

19/07/2002

Kemenangan rakyat berfikiran waras: PM

reports on "Pilihan Raya Kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit" by ALOR STAR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kejayaan Barisan Nasional (BN) di Pendang sebagai kemenangan untuk rakyat yang berfikiran waras.

Sambil bersyukur dengan kemenangan BN di kawasan yang pernah diwakilinya pada 1964 itu (dulu dikenali sebagai Kota Setar Selatan), Perdana Menteri berkata:

"Yang menang calon BN, yang menang ialah rakyat yang berfikiran waras, yang tidak suka kepada fitnah. Ini permulaan yang baik."

Bercakap pada sidang video dari Seri Perdana, Putrajaya dengan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Auditorium Bernas, Anak Bukit, Dr Mahathir berkata BN akan terus melaksanakan program pembangunan.

Katanya, kemenangan BN itu juga akan membolehkan usaha menjadikan Kedah negeri maju menjelang 2010.

"Insyallah, pada masa akan datang kita dapat tambah sokongan untuk BN," katanya yang turut menyifatkan kemenangan di Pendang dan kekalahan tipis BN di Anak Bukit itu adalah petanda baik untuk masa depan BN.

Beliau yakin jika petugas parti terus berkempen secara bersopan, tidak menggunakan kekerasan, rakyat akan kembali menyokong BN dan Umno.

Dr Mahathir juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terbabit bagi menjayakan calon BN, termasuk parti komponen serta Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Perdana Menteri menyampaikan penghargaan khusus kepada Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim yang bekerja keras di Anak Bukit dan rakyat keturunan Siam yang membantu kemenangan di Pendang.

Mengenai keputusan di Anak Bukit, Dr Mahathir berkata, walaupun kalah, Umno mendapat sokongan tambahan kerana berjaya mengurangkan majoriti Pas.

"Kedua-dua kawasan pernah diwakili Presiden Pas dan Ketua Pembangkang. Dari awal kita jangka sukar untuk menang mudah. Satu menang satu kalah diharap tidak dianggap parti lawan kita lemah kerana kawasan ini sukar untuk menang.

"Jika Umno betulkan fahaman agama dan mengurangkan fanatisme, penduduk di kedua-dua kawasan itu dan beratus-ratus penyokong Pas masuk Umno, lebih ramai akan masuk atau berkecuali tidak menyokong parti yang tidak mencerminkan budaya dan Islam sebenar.

"Kita kesal kerana cara mereka (Pas) dapat tarik sokongan, tetapi saya yakin orang Melayu akan sedar," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, keputusan pilihan raya itu membuktikan bahawa Malaysia adalah negara demokratik.

"Pilihan raya kecil parti kerajaan boleh menang dan kalah. Bagi sesetengah negara, parti kerajaan saja menang.

"Justeru, parti lawan perlu bersyukur dan mengakui kita adalah negara demokratik," katanya.

Sementara itu, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri mengucapkan terima kasih kepada polis dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kerana menjalankan tugas dengan baik bagi membolehkan pengundi membuang undi dalam proses pilihan raya kecil yang berjalan lancar.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pengundi yang mengundi calon BN sama ada calon di Pendang atau Anak Bukit. Datuk Othman Abdul menang dengan sokongan yang begitu kuat dan begitu juga Datuk Zakaria Said di Anak Bukit, biarpun bilangannya tak cukup untuk menentukan kemenangan.

"Kami tetap ucapkan terima kasih kepada pengundi di dua kawasan. Insyallah-

Allah dengan kejayaan di Pendang, BN akan dapat menumpu dan memberi perhatian terhadap keperluan rakyat, walaupun di Anak Bukit tidak menang," katanya.

Beliau berkata, melalui parti komponen BN, kerajaan akan tetap terus